

CONART® CAPSULE

Glucosamine sulphate/Chondroitin sulfate (250mg/200 mg)

CONART® SACHET FOR ORAL SOLUTION

Glucosamine sulphate/Chondroitin sulfate (1500mg/1200 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan Conart
2. Bagaimana Conart berfungsi
3. Sebelum menggunakan Conart
4. Cara menggunakan Conart
5. Semasa menggunakan Conart
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang & pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

1. Apakah kegunaan Conart

Conart digunakan untuk mengurangkan gejala-gejala osteoarthritis yang melibatkan sendi.

2. Bagaimana Conart berfungsi

Conart mengandungi glukosamin yang membentuk bahagian utama tulang rawan (bahan kusyen antara tulang di sendi) manakala chondroitin bertindak menghalang kerosakan atau pemecahan tisu rawan. Glukosamin dan chondroitin meningkatkan pembentukan cecair synovial, dengan menyediakan pelincir untuk fungsi sendi yang baik.

3. Sebelum menggunakan Conart

-Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda mempunyai alahan terhadap glukosamin atau chondroitin atau mana-mana bahan yang terkandung dalam produk ini.
- Jika anda mempunyai alahan kepada makanan laut.
- Elakkan penggunaan semasa mengandung 3 bulan pertama.

-Sebelum mula menggunakan

Baca arahan dan risalah ini secara teliti untuk memahami cara penggunaan produk ini.

Elakkan penggunaan pada kanak-kanak.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang masalah perubatan, terutamanya mana-mana seperti di bawah

- Jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau menyusu
- Jika anda mempunyai alahan terhadap makanan laut, ubat-ubatan atau bahan-bahan lain. Produk ini mengandungi glukosamin sulfat yang berasal dari bahan makanan laut. Ia tidak disyorkan untuk orang yang mengalami alahan makanan laut.

- Jika anda mempunyai gula dalam darah yang tinggi
- Jika anda mempunyai masalah hati dan/atau buah pinggang yang teruk.

-Jika menggunakan ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang menggunakan:

- Mana-mana ubat untuk kencing manis (mengawal kandungan gula dalam darah), seperti metformin, acarbose, repaglinide.
- Warfarin (ubat mencairkan darah). Glukosamin mungkin menambah risiko pendarahan dengan penggunaan warfarin dan anda mungkin perlu pengujian darah yang kerap.
- Mana-mana ubat preskripsi atau bukan preskripsi, herbal atau suplemen makanan.

4. Cara menggunakan Conart

-Berapa banyak harus digunakan?

Dewasa

Conart Capsule: Dos bergantung kepada tahap penyakit:

- a) Gejala osteoarthritis yang ringan: 2 kapsul diambil dua kali sehari, selama atau melebihi 6 minggu atau mengikuti preskripsi.
- b) Gejala osteoarthritis yang serius: 2 kapsul diambil tiga kali sehari pada tahap permulaan rawatan. Jangka masa mengambil ubat ini adalah 8-12 minggu.
- c) Terapi lanjutan: 2 kapsul diambil dua kali sehari untuk terapi penyembuhan selama 3-4 bulan (mengikuti preskripsi).

Rawatan untuk osteoarthritis patut diulang setiap 6 bulan atau kurang daripada itu (mengikut preskripsi).

Conart Sachet: satu paket sachet diambil setiap hari. Serbuk tersebut patut dilarutkan sepenuhnya dalam secawan air yang sekurang-kurangnya 250ml sebelum digunakan.

Kanak-kanak

Keselamatan dan keberkesanan ubat ini belum dikaji atas kanak-kanak.

-Bila perlu digunakan

Conart boleh diambil bila-bila masa sahaja dan sebaik mungkin diambil sebelum makan.

-Berapa lama perlu digunakan

Sekurang-kurangnya 6-8 minggu atau lebih, seperti yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Jika terlupa menggunakannya

Anda tidak harus mengambil dua dos serentak untuk menggantikan dos yang tertinggal. Ambil dos seterusnya seperti yang dirancang.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

5. Semasa menggunakan Conart

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil dos dan ikuti tempoh rawatan yang ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Anda harus berjumpa dengan doktor sekiranya gejala-gejala menjadi lebih teruk atau tidak bertambah baik selepas 2-3 minggu.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil ubat ini selepas tarikh luput yang dicetak pada kotak.

-Perkara yang perlu diberi

perhatian

Sekiranya anda menghidap penyakit kencing manis, anda mungkin memerlukan pemantauan doktor anda terhadap kandungan gula dalam darah anda pada peringkat awal rawatan.

6. Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, produk ini mungkin menyebabkan kesan sampingan secara jarang, contohnya:

- mengantuk
- sakit kepala
- insomnia (tidak dapat tidur)
- loya
- muntah
- cirit-birit
- pencernaan kurang baik
- hilang selera makan
- sembelit
- heartburn (pedih ulu hati)
- pengumpulan cecair yang menyebabkan pembengkakan
- kulit kemerahan
- kulit gatal-gatal

CONART® CAPSULE

Glucosamine sulphate/Chondroitin sulfate (250mg/200 mg)

CONART® SACHET FOR ORAL SOLUTION

Glucosamine sulphate/Chondroitin sulfate (1500mg/1200 mg)

Sila jumpa doktor/ahli farmasi sekiranya anda mengalami kesan sampingan semasa mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

7. Cara penyimpanan dan pelupusan

-Penyimpanan

Simpan bawah 30°C dalam tempat yang kering dan elak keadaan yang panas, lembap dan bercahaya.

Jauhi daripada kanak-kanak.

-Pelupusan

Buangkan paket sachet atau botol yang

kosong ke dalam tong sampah.

8. Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Conart Capsule: merupakan kapsul keras gelatin bovine yang berwarna maron gelap dan putih dengan perkataan 'Conart' pada kedua-dua belah.

Conart Sachet: serbuk yang berwarna putih kekuningan cair dalam paket aluminium/PE.

-Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif: *Glucosamine sulphate* dan *chondroitin sulphate (bovine)*

Bahan-bahan tak aktif **Conart capsule:** *colloidal silica* dan *magnesium stearate*.

Bahan-bahan tak aktif **Conart sachet:** mannitol, marcogol (PEG) 6000, dan perasa lemon.

-Nombor Pendaftaran

Conart Capsule

MAL07091058X

Conart Sachet for Oral Solution

MAL11030111X

9. Pengilang dan Pemegang pendaftaran produk

AV Manufacturing Sdn. Bhd. (667760-V)
Lot 10621(PT16700), Jalan Permata 2,
Arab Malaysian Industrial Park,
71800 Nilai, Negeri Sembilan.

10. Tarikh kemaskini RiMUP

23 Mar 2020

Serial Number

NPRA(R4/1)210320/00045